

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN – BN ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 38)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Kementerian dalam memastikan belia-belia dapat menjauhkan diri daripada terlibat dengan masalah-masalah sosial seperti tabiat melepak, vandalism, pergaduhan, ketagihan arak dan penagihan dadah dan apakah perancangan ataupun program pihak Kementerian dalam membantu belia-belia yang telah didapati terjebak dengan masalah-masalah sosial tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha sedang dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi memastikan belia-belia dapat menjauhkan diri daripada terlibat dengan masalah-masalah sosial seperti yang disebutkan. Kementerian ini dari masa ke semasa sentiasa berusaha merancang dan melaksanakan program-program yang memfokuskan kepada pengisian berbentuk pembangunan jati diri dan sahsiah, patriotisme serta modal insan kepada golongan muda secara menyeluruh. Program-program yang dilaksanakan adalah meliputi aspek pembangunan kemahiran, asas keusahawanan, kesukarelaan, kepimpinan dan program-program berbentuk aktiviti sukan dan rekreasi. Kementerian telah mengadakan kerjasama dengan agensi berkaitan serta pertubuhan-pertubuhan belia dan NGO untuk merangka, seterusnya melaksanakan program-program yang telah banyak memberi manfaat kepada golongan belia itu sendiri. Senarai terperinci program yang dirancang dan dilaksanakan adalah seperti berikut:
  - i. Program Kepimpinan, sahsial dan sosial
    - Program Felo Perdana
    - Parlimen Belia Malaysia
    - Anugerah Perdana Belia Negara
    - Program Kepimpinan Belia Muda Islam (QiYAD)
    - Majlis Perundingan Belia Negara/Negeri/Daerah
    - KLD Tunas Samudera

- Festival Belia Putrajaya
- ii. Program Keusahawanan
- Youth Collective
  - 3K Belia Bestari
  - Himpunan Usahawan Belia
  - Kursus Asas Keusahawanan
  - Kursus Teknikal Belia Tani
  - Promosi dan Pameran Keusahawanan
  - Program Outreach Usahawan Belia
  - Program Rekabentuk Pembungkusan dan Perlabelan
  - Kursus Perniagaan Intensif
- iii. Program Kemahiran
- Institut Kemahiran Belia Negara
  - Program Latihan Kemahiran Tidak Formal
- iv. Program Kesukarelaan
- Program Jatidiri Kesukarelaan Nasional
  - MyCorps
  - Youth Icons
  - Program Rakan Muda
- v. Program Pengupayaan Gerakan Belia
- Kursus Kepimpinan Organisasi
  - Star Rating Pertubuhan Belia
  - Bantuan Pentadbiran dan Aktiviti Persatuan Belia

2. Di samping itu, Kementerian juga merancang dan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sukan yang berpaksikan kepada minat, bakat dan kehendak generasi muda pada masa kini. Antara program yang dianjurkan merangkumi program sukan rekreasi, sukan permotoran, sukan kecergasan, sukan OKU, sukan wanita serta turut memperkenal dan menganjurkan sukan baru yang diminati oleh generasi muda. Inisiatif yang dilaksanakan Kementerian ini bukan sahaja melahirkan generasi muda yang aktif tetapi juga ke arah pembentukan masyarakat yang sihat, cergas dan bersatu.
3. KBS turut menyediakan kemudahan dan prasarana kepada golongan muda bagi mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah. Kementerian telah menyediakan pelbagai kemudahan sukan di antaranya ialah membina 1,871 buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia di seluruh Negara, 90 buah Gym 1 Malaysia hampir di kesemua daerah, Kompleks Belia dan Sukan negeri-negeri dan 14 buah Kompleks Sukan Komuniti dan juga Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara. Kesemua kemudahan yang disediakan ini bertujuan meningkatkan serta memperkasa kegiatan positif di kalangan belia.
4. Selain usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian, agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut melaksanakan pelbagai program serta kempen untuk mendidik masyarakat supaya mengamalkan gaya hidup sihat. Begitu juga dengan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada.

5. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam memastikan belia-belia dapat menjauhkan diri daripada terlibat dengan masalah-masalah sosial seperti, tabiat melepak, vandalisme, pergaduhan, pengambilan alkohol dan penyalahgunaan dadah di kalangan anak muda hanya sia-sia sekiranya tidak mendapat sokongan ibu bapa serta masyarakat. Kegagalan kawalan dan kurang perhatian ibu bapa menyebabkan anak-anak mereka sanggup menggadai nyawa di jalan raya dan merosakkan masa depan mereka dengan aktiviti-aktiviti sosial yang tidak berfaedah.
6. Oleh yang demikian, kerjasama dari semua pihak amatlah diperlukan untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam memastikan permasalahan sosial khususnya di kalangan belia dapat diatasi secara komprehensif.

Sekian, terima kasih.